



UNIT FARMASI  
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI  
JOHOR



**POLISI UBAT-UBATAN YANG MEMPUNYAI RUPA  
DAN NAMA YANG SERUPA  
(LOOK ALIKE SOUND ALIKE MEDICATION - LASA)**  
**PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI**

Tandatangan Penyedia	Nama Dan Jawatan	Tarikh
	NORFATHIN BINTI RAMLI Pegawai Farmasi UF48 Klinik Kesihatan Kulai Besar	16/8/2023
Tandatangan Penyemak	Nama Dan Jawatan	Tarikh
	AINAL MARDHIYYAH SHAHARUDDIN Pegawai Farmasi Kesihatan UF54 Pejabat Kesihatan Daerah Kulaijaya	16/8/2023
Tandatangan Pelulus	Nama Dan Jawatan	Tarikh
	DR. HJH. FARIDAH BINTI HJ. ALI Pakar Perubatan Kesihatan Awam Pegawai Kesihatan Daerah Pejabat Kesihatan Daerah Kulaijaya	25/8/2023

**POLISI UBAT-UBATAN YANG MEMPUNYAI RUPA DAN NAMA YANG SERUPA**  
**(LOOK ALIKE SOUND ALIKE MEDICATION - LASA)**  
**PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI**

### **Pengenalan**

Ubat-ubatan “Look Alike Sound Alike” (LASA) adalah ubat-ubatan yang sama ada mempunyai bentuk fizikal/pembungkusan yang menyerupai ubat lain atau nama ubat yang mempunyai sebutan atau ejaan yang hampir sama. Kewujudan nama ubat yang mengelirukan merupakan salah satu punca paling lazim kesilapan pengubatan di seluruh dunia. Dengan puluhan ribu ubat di pasaran, potensi kesilapan kerana nama ubat yang mengelirukan adalah signifikan. Ini termasuk nama generik dan nama proprietari (jenama).

Faktor-faktor risiko yang dikaitkan dengan ubat-ubatan LASA adalah seperti:

- Tulisan tangan yang tidak boleh dibaca
- Kurang pengetahuan mengenai nama ubat-ubatan
- Produk atau ubat baru
- Pembungkusan atau pelabelan ubat yang serupa
- Serupa dari segi kekuatan, bentuk dosej dan kekerapan administrasi
- Serupa dari segi kegunaan klinikal

Sesebuah organisasi perlu mengadakan strategi pengurusan risiko untuk meminimakan kesan advers oleh ubat-ubatan LASA dan meningkatkan keselamatan pesakit. Oleh yang demikian, polisi “Look Alike, Sound Alike Medications” Pejabat Kesihatan Daerah Kulai diwujudkan. Polisi ini dihasilkan selaras dengan Garispanduan LASA oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia edisi pertama tahun 2012. Adalah diharapkan, dengan adanya polisi ini, ia dapat bukan sahaja meminimakan bahkan menghapuskan kesilapan pengubatan yang berkaitan dengan ubat-ubatan LASA melalui pengenalpastian dan implementasi langkah-langkah keselamatan yang disyorkan.

Strategi untuk mengelakkan kesalahan berkaitan ubat-ubat “Look Alike Sound Alike”

1. Perolehan
2. Penyimpanan
3. Mempreskrib
4. Pendispensan/pembekalan
5. Administrasi
6. Pemantauan
7. Informasi
8. Pendidikan Pesakit
9. Penilaian

## **1. Perolehan**

- (a) Kurangkan simpanan pelbagai kekuatan bagi sejenis ubat
- (b) Jika boleh, elakkan pembelian ubat-ubatan yang mempunyai rupa dan pembungkusan yang sama. Sebarang produk baru atau pembungkusan baru yang diterima perlu dibandingkan dengan pembungkusan yang sedia ada.

## **2. Penyimpanan**

- (a) Gunakan “Tall Man lettering” untuk membezakan ubat-ubatan yang mempunyai sebutan nama yang hampir sama. “Tall Man lettering (or Tallman lettering)” adalah merupakan satu amalan di mana sebahagian nama ubat ditulis dengan huruf besar untuk membezakan ubat-ubatan yang mempunyai rupa dan sebutan yang hampir sama. Contoh “Tall Man lettering” adalah metFORMIN dan METOprolol.

- (b) Gunakan label amaran tambahan bagi ubat-ubat yang sama rupa. Label amaran perlu



diseragamkan di seluruh fasiliti untuk memudahkan pengenalpastian ubat.

- (c) Jika “Tall man lettering” tidak dapat dipraktiskan bagi sesuatu ubat yang mempunyai sebutan nama yang sama, maka nama jenama ubat boleh ditambahkan pada label ubat berkenaan. Nama ubat generik perlu bersaiz lebih besar daripada nama jenama pada label tersebut.
- (d) Pasangan ubat-ubatan LASA perlu disimpan secara berasingan. Kalau boleh, elakkan penyimpanan ubat-ubatan LASA sebelah menyebelah.


## **3. Mempreskrib**

- (a) Tulis preskripsi dengan jelas (legible)
- (b) Nama ubat, bentuk dosej, dos ubat dan cara pengambilan ubat perlu ditulis dengan jelas pada preskripsi
- (c) Diagnosis dan indikasi ubat perlu dicatit juga pada preskripsi. Maklumat ini boleh membantu untuk mengelakkan kesalahan ubat yang disebabkan oleh tulisan yang kurang jelas.

## **4. Pendispensan/Pembekalan Ubat**

- (a) Mengenalpasti sesuatu ubat berdasarkan nama dan kekuatannya dan bukan berdasarkan rupa luaran atau lokasi penyimpanan.
- (b) Semak kesesuaian dose ubat yang didispens

- (c) BACA label ubat dengan berhati-hati pada setiap peringkat proses pendispensan dan lakukan semakan segitiga (Triangle Check). Semakan segitiga bermaksud ubat yang dikeluarkan disemak dengan label ubat dan preskripsi.



- (d) Semak silang harus dilakukan semasa proses pendispensan atau pembekalan.  
(e) Maklumkan kepada pesakit jika ada perubahan dalam rupa luaran/fizikal ubat yang didispens.

## 5. Administrasi

- (a) BACA label ubat dengan betul dan lakukan semakan segitiga sebelum proses administrasi ubat.  
(b) Beri penekanan pada pembacaan label ubat dan tidak bergantung pada rupa luaran atau lokasi ubat.

## 6. Pemantauan

- (a) Semua unit perlu mengenalpasti ubat-ubat LASA di unit masing-masing. Senarai ubat-ubat LASA perlu disemak dan dikemaskini dari masa ke semasa (sekurang-kurangnya setahun sekali)  
(b) Mekanisme maklumbalas perlu diwujudkan untuk memberi makluman tentang ubat-ubat LASA

## 7. Informasi

- (a) Senarai ubat-ubat LASA diedarkan kepada semua staff  
(b) Penambahan ubat pada senarai LASA akan dimaklumkan kepada semua staff

## 8. Pendidikan Pesakit

- (a) Maklumkan pesakit jika ada perubahan pada rupa bentuk /luaran sesuatu ubat.  
(b) Didik pesakit atau penjaga untuk maklumkan kepada staff farmasi/kesihatan yang lain jika ubat yang diterima kelihatan berbeza daripada ubat yang selalu diambil.  
(c) Menggalakkan pesakit atau penjaganya untuk mengetahui nama ubat yang diambil

## 9. Penilaian

Kesalahan berkaitan dengan ubat LASA perlu dilakukan penilaian.

**Jadual 1****SENARAI UBAT “LOOK ALIKE AND SOUND ALIKE” DENGAN ‘TALLMAN LETTERING’**

Drug Name with Tall-Man Letters		
<b>AMLO</b> dipine	<b>FELO</b> dipine	<b>niFED</b> ipine
<b>ATORVA</b> statin	<b>SIMVA</b> statin	
<b>BISO</b> prolol	<b>METO</b> prolol	<b>ATENO</b> lol
Calcium <b>LACTATE</b>	Calcium <b>CARBONATE</b>	
car <b>BAMA</b> Zepine	car <b>BIMA</b> zole	
chlorpro <b>MAZINE</b>	car <b>BAMA</b> Zepine	Chlor <b>PHEN</b> iramine
<b>CLOXA</b> cillin	<b>AMOXI</b> cillin	<b>PENI</b> cillin <b>V</b>
dilt <b>TIAZ</b> em	diaz <b>EPA</b> M	
<b>ENALA</b> pril	<b>PERINDO</b> pril	<b>CAP</b> topril
flu <b>PHENAZ</b> ine	Fluvoxa <b>MINE</b>	
<b>LO</b> sartan	<b>VAL</b> sartan	<b>TELM</b> Isartan
<b>LOR</b> azepam	clonaze <b>PAM</b>	diaz <b>EPA</b> M
<b>METHYL</b> dopa	<b>CARB</b> Idopa	<b>LEVO</b> dopa
met <b>FORMIN</b>	metro <b>NIDAZOLE</b>	
<b>OLAN</b> Zapine	<b>QUE</b> tiapine	
<b>TERA</b> zosin	<b>PRA</b> zosin	

Polisi dikemaskini pada  
13/08/2023